

Kepada,
Ahli-ahli Parlimen Malaysia Kelima Belas
Dewan Rakyat,
Parlimen Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat,

MEMORANDUM

MEMBANTAH CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
BERHUBUNG KEWARGANEGARAAN YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN DAN MENGHUKUM
GOLONGAN ANAK-ANAK MALAYSIA TANPA KEWARGANEGARAAN

Saya, Wong Kueng Hui, seorang bekas individu tanpa kewarganegaraan merangkap ahli Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan berkenaan isu kewarganegaraan terutamanya berkaitan masalah-masalah anak-anak Malaysia yang tiada kewarganegaraan (“statelessness”).

Tujuan utama kami menyerahkan memorandum ini kepada ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat adalah mengenai pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung kewarganegaraan yang dicadangkan oleh Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail. Ada pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah progresif, walaubagaimanapun terdapat pindaan lain yang kami percaya telah dibuat tanpa kajian yang mencukupi mengenai perkara tersebut dan akan menyebabkan kesan serta impak yang sebaliknya.

Kami menyokong usaha Kerajaan Perpaduan untuk meminda peruntukan kewarganegaraan yang memberi hak kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu warga Malaysia secara automatik, sama seperti bapa warga Malaysia. Kami juga menyeru Kerajaan Perpaduan untuk meneruskan dengan cadangan untuk pindaan bagi Perkara 14(1)(b), Seksyen 1(b) dan 1(c), Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Namun demikian, Kami juga ingin maklumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat bahawa lima (5) dari perkara-perkara dalam cadangan pindaan adalah regresif dan akan menghapuskan perlindungan sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan, serta mengancam untuk memburukkan lagi masalah tanpa kewarganegaraan di Malaysia.

1. Seksyen 19B, Bahagian III Jadual Kedua, ‘Kuatkuasa undang-undang’ digantikan kepada ‘Pendaftaran’.

“Bagi maksud Bahagian I atau II Jadual ini, mana-mana kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir ditempat itu dan ibunya bermastautin secara tetap ditempat itu; dan jika kanak-kanak itu dikira menurut kuasa seksyen ini telah lahir sedemikian, maka tarikh dia dijumpai hendaklah dikira sebagai tarikh lahirnya.”

Kesan terhadap pindaan ini adalah kanak-kanak baru lahir yang dijumpai tidak lagi berhak mendapat kewarganegaraan secara automatik. Pada masa ini, Perlembagaan Persekutuan melindungi kanak-kanak baru lahir yang dijumpai. Seksyen 19B adalah peruntukan keterangan yang memberi faedah kesangsian kepada mana-mana kanak-kanak baru lahir yang dijumpai, di mana tarikh dan tempat lahirnya, termasuk status ibu bapanya tidak diketahui dan tidak dapat dibuktikan. Pindaan tersebut akan menyebabkan kanak-kanak baru lahir yang dijumpai memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran, dan meletakkan beban pembuktian ke atas kanak-kanak tersebut berkenaan identiti ibu bapanya. Dalam pada masa yang sama, saya juga ingin menyatakan bahawa proses pendaftaran yang sedia ada sarat dengan penangguhan, dan kelulusan yang tidak terjamin.

Secara praktik, kanak-kanak baru lahir yang dijumpai dikeluarkan Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKas), tanpa pelaksanaan undang-undang semasa. Mengikut CCH, kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sepatutnya mengeluarkan kewarganegaraan automatik kepada kanak-kanak baru lahir yang dijumpai tanpa memerlukan perintah Mahkamah. Malangnya, proses ini masih tidak dapat diakses kerana JPN enggan mengakui keadaan anak-anak dan enggan mendaftar anak-anak sebagai warganegara.

Berdasarkan data, 70% dari 193 negara ahli United Nation (UN) termasuk keseluruhan negara Timur Tengah, Kenya, Iraq, Finland dan United Kingdom, mempunyai peruntukan domestik yang memberi kewarganegaraan kepada kanak-kanak baru lahir yang dijumpai di negaranya, di mana tidak diketahui siapa ibu bapanya. Manakala di Asia Tenggara, Singapura, Indonesia, Kemboja, Laos, Filipina dan Vietnam memberi kewarganegaraan secara automatik kepada kanak-kanak baru lahir yang dijumpai.

Oleh yang demikian, cadangan kami adalah peruntukan tersebut tidak perlu dipinda.

2. Perkara 14(1)(b) seksyen 1(a) Bahagian II Jadual Kedua: Ayat 'Mastautin Secara Tetap' dimansuhkan dari teks asal.

"1. (a) Tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di persekutuan"

Kesan terhadap pindaan ini adalah anak-anak kepada ibu bapa yang tiada taraf kewarganegaraan tetapi taraf pemastautin tetap di Malaysia tidak akan diberi kewarganegaraan secara automatik. Anak-anak kepada pemastautin tetap di Malaysia, yang tiada kewarganegaraan akan kehilangan akses kepada kewarganegaraan melalui 'kuatkuasa undang-undang', dan mewarisi masalah tanpa kewarganegaraan dari ibu bapa mereka, lalu menghasilkan kelas baharu dalam masalah tanpa kewarganegaraan ini. Pindaan ini akan memudaratkan komuniti-komuniti tanpa kewarganegaraan yang sedia ada, termasuk Orang Asli dan Orang Asal Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Peruntukan ini adalah untuk mencegah masalah tanpa kewarganegaraan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Selain itu, ianya membenarkan pemastautin tetap memberi kewarganegaraan membawa kepada kestabilan jangka masa panjang, dan memberi jaminan kepada anak-anak mereka walaupun ada perubahan dalam polisi imigrasi atau undang-undang.

Maka, kami tidak menyokong pindaan tidak berperikemanusiaan yang akan menghukum lebih ramai anak-anak Malaysia yang tiada kewarganegaraan. Kami menyeru pihak Kementerian Dalam Negeri serta Kerajaan Malaysia untuk mengkaji semula akibat daripada pindaan tersebut sama ada ia akan membawa lebih banyak faedah atau sebaliknya.

Pada hemat kami pindaan-pindaan di atas tidak sepatutnya dijalankan kerana apa-apa pindaan pada Perlembagaan Persekutuan perlu berlandaskan kepentingan terbaik kanak-kanak, bukan sebaliknya.

3. Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(e) Bahagian II jadual Kedua: 'Kuatkuasa undang-undang' digantikan kepada ' Pendaftaran', dan Seksyen 2(3) dimansuhkan.

"1.(e) Tiap-tiap orang lahir di Persekutuan dan pada masa dia lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negara selain menurut kuasa perenggan ini."

"2.(3) Bagi maksud perenggan (e) Seksyen 1, seseorang akan dikira sebagai mempunyai, pada masa dia lahir, apa-apa kewarganegaraan yang diperolehnya dalam masa satu tahun kemudian menurut kuasa mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan perenggan (c) Seksyen itu atau selainnya."

Ini akan menyebabkan individu-individu rentan dan terkesan tidak lagi dilindungi dari masalah tanpa kewarganegaraan. Individu-individu yang rentan dan terkesan mempunyai laluan untuk kewarganegaraan melalui peruntukan yang sedia ada, iaitu satu perlindungan dari masalah tanpa kewarganegaraan. Cadangan pindaan tersebut akan memastikan mereka yang terkesan tidak lagi mempunyai akses kepada kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang.

Individu-individu rentan dan terkesan adalah termasuk:

- (i) Anak lahir luar nikah
- (ii) Anak angkat tanpa warganegara
- (iii) Anak terbiar tanpa warganegara
- (iv) Komuniti orang Asal Sabah, Sarawak dan Orang Asli

Berdasarkan statistik, terdapat 9,392 orang tanpa kerakyatan:

- Ketiadaan warganegaraan kanak-kanak (termasuk anak luar nikah di Malaysia dan anak angkat warga Malaysia): 8,223 kes
- Kategori tanpa kerakyatan sebelum merdeka: 1,003 kes
- Bayi atau kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia tetapi ditinggalkan oleh ibu bapa kandung meraka: 166 kes
- Tidak termasuk Sabah & Sarawak dan tidak termasuk kelahiran baru dalam kalangan keluarga tanpa kerakyatan. Kerajaan tidak merekodkan kes tanpa kerakyatan.

Jika kerajaan meneruskan dengan pindaan ini, statistik untuk ketiadaan warganegara di Malaysia akan meningkat lebih tinggi. Ini tidak membantu dalam isu ini sebaliknya, ia menyumbang kepadanya.

Dengan itu, cadangan-cadangan kami adalah peruntukan tersebut tidak perlu dipinda.

4. Perkara 26(2) berkaitan dengan Perkara 15(1): 'Tarikh Perkahwinan' digantikan kepada 'Tarikh Mendapat Kewarganegaraan'.

"26. (2) Kerajaan persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan yang menjadi warga negara lain melalui pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15 jika berpuas hati bahawa perkahwinan yang disebabkan olehnya perempuan itu didaftar telah dibubarkan, melainkan disebabkan oleh kematian, dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perkahwinan itu."

Kesan terhadap pergantian akan berlaku kepada isteri yang merupakan seorang warga asing kepada lelaki warga Malaysia. Kewarganegaraan isteri akan dilucut jika perkahwinan dibubarkan kurang dari dua tahun selepas isteri tersebut mendapat kewarganegaraan Malaysia. Tindakan melucut kewarganegaraan yang telah diberi kepada seorang isteri warga asing akan menyebabkan isteri tersebut menjadi orang tanpa kewarganegaraan, kerana Malaysia tidak membenarkan rakyatnya memiliki dua kewarganegaraan. Pindaan tersebut mungkin mengakibatkan isteri menjadi terperangkap dalam perkahwinan yang mengandungi unsur-unsur keganasan rumah tangga.

Pindaan ini dicadangkan untuk mencegah 'perkahwinan palsu'. Secara praktik, sebelum layak untuk mendapat kewarganegaraan, seorang istri perlu:

- (i) Tinggal di Malaysia selama lima tahun untuk layak mendapat taraf penduduk tetap;
- (ii) Kelulusan status Permanent Resident (2-5 tahun)
- (iii) Tinggal di Malaysia selama dua tahun sebagai penduduk tetap;
- (iv) Memohon kewarganegaraan.

Oleh sebab itu, ia tidak masuk akal jika cadangan pindaan itu dilakukan bagi mengelak perkahwinan palsu kerana kelayakan mendapat kewarganegaraan adalah satu proses yang sangat sukar. Proses yang mengambil masa yang panjang dan sukar ini, kebarangkalian sangat rendah dilakukan oleh sesiapa yang melakukan perkahwinan palsu.

Cadangan kami adalah untuk membantah cadangan pindaan ini untuk mengkaji akibat dan impak pindaan tersebut.

5. Perkara 15A, 15(2), 19(1), 19(2), 23(1), 23(3) dan 26(A): '21 Tahun' digantikan kepada '18 Tahun'. "15.(2) Tertakluk kepada perkara 18, apabila permohonan dibuat oleh ibu atau bapa atau penjaga mana-mana orang yang di bawah umur 21 tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah sekarang (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara."

"15a. Tertakluk kepada perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur 21 tahun didaftarkan sebagai warganegara."

"19.(2) Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur 21 tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, memberi orang itu suatu peraku naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati."

"23.(1) Mana-mana warganegara yang berumur 21 tahun atau lebih dan yang sempurna akal yang juga seorang warganegara negara lain atau yang hampir menjadi seorang warganegara negara lain boleh melepaskan kewarganegaraannya bagi Persekutuan melalui akaun yang didaftarkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan hendaklah sesudah itu terhenti menjadi warganegara."

“23.(3) Perkara ini terpakai bagi seseorang perempuan yang dibawah umur 21 tahun yang telah berkahwin sebagaimana perkara ini terpakai bagi seseorang yang berumur 21 tahun atau lebih.”

“26a. Jika seseorang telah melepaskan kewarganegaraannya atau telah dilucutkan kewarganegaraannya dibawa Pasal(1)Perkara 24 atau Perenggan (a)Fasal(1)Perkara 26, maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana anak orang itu yang dibawah umur 21 tahun yang telah didaftarkan sebagai warganegara menurut Perlembagaan ini dan telah didaftarkan sedemikian sebagai anak orang itu atau anak isteri atau anak suami orang itu.”

Kesan terhadap pindaan ini adalah kepada pemohon kanak-kanak tanpa warganegara. Pindaan ini akan memendekkan masa yang ada untuk memproses dan merujuk permohonan yang telah dibuat serta pada masa yang sama menutup laluan untuk kewarganegaraan. Jangka masa untuk memproses permohonan-permohonan kewarganegaraan dibebani dengan kelengahan birokrasi, dan kitaran satu permohonan itu boleh mengambil masa empat ke lima tahun, atau lebih sebelum ia biasanya ditolak (tanpa sebab), dan pemohon itu perlu membuat permohonan semula. Pindaan ini akan memendekkan masa yang ada untuk memproses dan merujuk permohonan yang telah dibuat, menutup laluan untuk kewarganegaraan.

Tiga tahun tambahan tersebut adalah perlu jika seorang yang masih muda perlu membuat permohonan semula jika permohonan sebelumnya ditolak. Oleh itu, pindaan ini akan menambah masalah tanpa kewarganegaraan di kalangan anak-anak muda.

Cadangan kami adalah untuk bantah cadangan pindaan ini dan meneliti semula akibat dan impak pindaan tersebut.

Kami menyeru pihak Kerajaan Malaysia untuk mengasingkan cadangan-cadangan pindaan yang diutarakan:

- (1) Teruskan dengan pindaan untuk membolehkan ibu-ibu warga Malaysia memberi kewarganegaraan secara automatik kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara.
- (2) Membangkang sekeras-kerasnya pindaan yang dicadangkan untuk merampas hak-hak kewarganegaraan yang sedia ada, supaya akibat dan impak pindaan tersebut dapat diteliti semula dengan lebih mendalam, untuk memastikan ianya adil dan berlandaskan kepada kepentingan terbaik bagi kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

Dengan hormat,

Wong Kueng Hui
Aktivis Hak Kewarganegaraan

“NO ONE IS ILLEGAL”
“END STATELESSNESS”